

Pilih kursus ikut keperluan — PM

UM 30 JUN 2000

BANGI 29 Jun — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berpendapat pemilihan bidang pengajian untuk pelajar di institusi pengajian tinggi wajar menekankan keperluan pekerjaan dan jenis kemahiran yang diperlukan oleh negara.

Menurut Perdana Menteri, masalah siswazah menganggur timbul kerana terdapat ketidaksesuaian di antara bidang yang dipilih untuk dipelajari dengan keperluan kepakaran yang perlu diisi.

Walaupun setiap pelajar harus diberi peluang mempelajari bidang yang diminatinya, menurut Dr. Mahathir, mereka juga perlu memikirkan tentang keperluan semasa sama ada mereka mudah mendapatkan pekerjaan setelah tamat pengajian.

“Kalau mereka belajar dalam bidang-bidang yang tidak ada peluang pekerjaan atau jurusan yang mereka seronok hendak belajar, jangan marahkan kerajaan apabila

tidak mendapat kerja selepas tamat pengajian,” tegasnya.

Perdana Menteri berkata demikian pada sidang akhbar selepas merasmikan Universiti Tenaga Nasional (Uniten) di sini, hari ini.

Dalam hal ini, menurutnya, para pelajar terbabit perlu dimaklumkan mengenai bidang-bidang yang masih memerlukan tenaga kerja termasuk dari sektor swasta.

Pelajar yang belajar di luar negara pula, kata beliau, perlu diberi panduan agar memilih jurusan dan universiti yang diiktiraf di dalam negara agar mereka tidak menghadapi masalah.

Memandangkan permintaan tenaga kerja dalam negara sekarang ialah dalam bidang teknologi dan multimedia, tegasnya, para pelajar perlu digalakkan mengambil jurusan berkaitan.

Terdahulu dalam ucapannya, Perdana Menteri berkata, mungkin ramai

daripada pelajar yang berpendapat mereka tidak mungkin menguasai ilmu dalam bidang yang mereka tidak minati.

“Tetapi ini tidak benar. Siapa sahaja boleh menguasai apa sahaja ilmu jika tekun berusaha mempelajari,” tegasnya.

Dr. Mahathir mengimbaskan zaman sebelum sains dan teknologi berkembang, sewaktu minat pelajar kesemuanya tertumpu untuk mempelajari sastera tetapi mendapati mereka sebenarnya mampu menguasai bidang lain setelah dibuat pengkhususan.

Beliau juga yakin Malaysia mampu menangani cabaran globalisasi jika ramai daripada rakyat pelbagai kaum di negara ini memiliki kecekapan dalam teknologi maklumat (IT), e-dagang dan k-ekonomi.

Dalam hal ini, Perdana Menteri berkata, rakyat Malaysia perlu menguasai ilmu berkenaan perkaasan, perisian dan

aplikasi maklumat yang terdedah kepada kehidupan.

“Kebanyakan daripada kita lebih cekap menggunakan alatan yang dicipta dan dikeluarkan oleh orang lain,” katanya kesal.

Beliau mengingatkan bahawa pada zaman pendidikan sejagat ini, mereka yang berilmu akan lebih berkuasa.

Oleh yang demikian, Perdana Menteri mengingatkan supaya institusi pendidikan tinggi memaikan peranan menyemai etika keilmuan.

“Sesiapa juga yang akan memiliki kuasa perlu disedarkan betapa pentingnya ia tidak disalahgunakan.

“Sebab itu, sementara ilmu dipindahkan kepada pelajar, etika juga perlu diberi penekanan. Jika tidak segala ilmu yang diperoleh akan disalahguna serta memburukkan diri dan masyarakat,” katanya.